

Lebih 1,700 pesakit buah pinggang tahap akhir di bawah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia menjalani rawatan dialisis subsidi di 29 pusat dialisis seluruh negara.

Bilangan pesakit akan meningkat setiap tahun berikutan penjagaan kesihatan buah pinggang semakin diabaikan.

Rawatan dialisis ini sebagai pengganti fungsi buah pinggang untuk memanjangkan hayat pesakit.

Kos rawatan dialisis yang tinggi dan membebankan pesakit, sentiasa menarik perhatian banyak pihak untuk mengadakan pelbagai aktiviti bagi mengumpul dana bagi

Kumpul RM12,000 tampung kos rawatan dialisis

menyumbang kepada NKF untuk meringankan beban pesakit.

Baru-baru ini, Pusat Perubatan Sunway Velocity (SMCV) mengadakan aktiviti 'treasure hunt' sempena ulang tahun ketiga pusat rawatan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Derrick Chan berkata, keseluruhan dana terkumpul berjumlah RM12,000 diberikan kepada NKF bagi menampung kos rawatan dialisis pesakit supaya mereka boleh menikmati kualiti kehidupan lebih baik.

"Pada masa sama, menerusi aktiviti ini, ia juga dapat meningkatkan



CHAN (kiri) menyerahkan replika cek kepada Khor daripada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan.

kesedaran kepada peserta mengenai penjagaan kesihatan buah pinggang.

"Buah pinggang adalah organ penting kerana fungsi utamanya ialah membersihkan darah, membuang sisa toksik dan bahan kimia lain yang tidak diperlukan badan," katanya.

Katanya, melalui acara ini dan kempen ulang tahun SMCV '#FamilyHealthHistoryMatters', pihaknya berharap lebih ramai rakyat Malaysia akan menyedari keperluan untuk mengetahui sejarah kesihatan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif NKF Khor Xin Yun berkata,

diharapkan lebih banyak organisasi yang berminat menjalankan aktiviti seperti ini bagi membantu pesakit buah pinggang.

"Dana yang disumbangkan ini sememangnya dapat membantu pesakit kami dalam proses rawatan dan pemulihan.

"Kepercayaan dan sokongan berterusan ini memberikan kami inspirasi untuk meneruskan apa yang sudah dilakukan dengan lebih baik.

"Kami juga berharap supaya dapat mengajar lebih ramai anggota masyarakat untuk menjaga buah pinggang dan kesihatan secara menyeluruh," katanya.